




Disediakan
oleh:
Cikgu
Nor Ain



LEFTENAN ADNAN
Wina Bangsa
DAN
Tirani

NOTA
KOMSAS:


Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur, Wilayah
Persekutuan Putrajaya,
Selangor &
Negeri Sembilan



Novel LEFTENAN ADNAN *Wira Bangsa*

Sinopsis

- Pada peringkat awal penceritaan, novel ini mengisahkan kehidupan Adnan semasa kecil. Beliau dilahirkan di sebuah kampung di Sungai Ramal, Selangor. Rata-rata penduduk kampung itu masih berada dalam kemiskinan. Kehidupan mereka bergantung pada sawah dan kebun getah yang luasnya sekadar cukup makan sahaja.
- Pak Saidi dan Mak Milah, iaitu bapa dan ibu Adnan membesarkan tiga orang anak, iaitu Adnan, Ahmad, dan Amarullah. Sewaktu masih kecil, Adnan yang merupakan anak sulung rajin membantu keluarganya dan taat akan perintah orang tuanya. Walaupun usianya baru mencecah sepuluh tahun, setiap pagi Adnan akan pergi ke kebun getah untuk membantu orang tuanya menoreh getah. Selain itu, dia mengerjakan sawah bendang.
- Pak Saidi sebenarnya berketurunan pahlawan. Beliau sengaja merahsiakan keturunannya kerana khuatir akan diburu oleh pihak penjajah kerana moyangnya menjadi orang buruan Inggeris. Darah kepahlawanan itulah yang mengalir dalam jiwa Adnan. Semangat patriotik yang dimiliki oleh Pak Saidi amat tebal.
- Pak Saidi mahukan anak-anaknya berbakti kepada agama, bangsa, dan tanah air. Pak Saidi sedar bahawa dengan ilmu pengetahuan sahajalah negara akan dapat dibangunkan. Atas dasar itu, Pak Saidi berhasrat mahu menghantar anak-anaknya mendapatkan ilmu pengetahuan di sekolah aliran Inggeris.
- Tindakan Pak Saidi itu mendapat tentangan daripada masyarakat kampung yang khuatir anak-anak Pak Saidi akan diresapi pengaruh agama Kristian, dan seterusnya menjadi murtad. Jika Pak Saidi meneruskan cita-cita tersebut, mereka ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampungnya.
- Adnan bersekolah di sebuah sekolah aliran Inggeris. Di sekolah, Adnan terkenal sebagai pelajar yang rajin dan pintar. Sikap ringan tulangnyanya amat disenangi oleh teman-teman dan juga guru-guru sekolah. Setelah tamat persekolahan, dia diterima menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Sungai Ramal. Namun begitu, bidang perguruan bukanlah minatnya. Cita-citanya hanyalah satu, iaitu untuk menjadi askar. Adnan terpilih menjadi askar dalam temu duga yang diadakan di Port Dickson.
- Adnan berjaya menamatkan latihan ketenteraan selama setahun. Adnan telah terpilih sebagai rekrut terbaik dan seterusnya diserapkan ke dalam pasukan Askar Melayu. Adnan telah diarahkan bertugas di Singapura. Prestasi cemerlang yang telah ditunjukkannya selama berkhidmat sebagai Askar Melayu melayakkannya dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Muda dan dilantik mengetuai Platun ke-7, Kompeni 'C'. Pak Saidi dan Mak telah menjodohkan Adnan dengan seorang gadis bernama Sophia.
- Berita yang mengejutkan telah diterima oleh Adnan. Ada ura-ura mengatakan bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu dan Singapura. Adnan terpaksa menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung bagi menjamin keselamatan mereka walaupun hatinya berat untuk berpisah dengan mereka.
- Adnan telah diarahkan bertugas di Bukit Candu yang terletak di kawasan berbukit di sebelah timur yang menghadap ke laut.
- Akibat menerima serangan yang bertali arus daripada Jepun, satu persatu benteng pertahanan tumbang. Tentera Jepun terus menyerang kubu askar Melayu di Bukit Candu bertalu-talu. Leftenan Adnan telah terkorban sewaktu berlawan dengan tentera Jepun yang telah menyelinap masuk ke kubu pertahanan askar Melayu.
- Tentera Jepun mengikat Leftenan Adnan yang cedera dan menggantungnya pada pokok ceri. Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran menikam tubuh Leftenan Adnan. Keadaan Leftenan Adnan amat mengerikan.
- Jeneral Yamashita mengarahkan Leftenan Renya Mutuguchi menjejaki keluarga Leftenan Adnan. Kehadiran tentera Jepun ke Sungai Ramal, Kajang untuk mencari keluarga Leftenan Adnan sampai ke pengetahuan Pak Saidi. Pak Saidi telah diarahkan memasuki trak tentera Jepun. Pak Saidi sempat membunuh beberapa orang askar Jepun yang mengiringinya hanya menggunakan keris sebelum dia ditembak mati.
- Sophia bertemu jodoh dengan dengan Ustaz Ridwan. Sophia disahkan menghidap penyakit leukemia dan meninggal dunia.



Novel TIRANI

Cikgu Ain


Sinopsis

- Pengenalan kepada watak Waheeda yang melayari laman sesawang berkaitan kecantikan wajah dan pembedahan plastik pada wajah. Waheeda mempunyai keinginan yang tinggi untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya yang bertujuan untuk memperbaiki, memulih, serta menjaga kekemasan diri.
- Monyet berhidung besar atau monyet Belanda yang menyerang Chalet Tajau Emas menyebabkan suasana menjadi kelam-kabut apabila penghuni dan pekerja-pekerja lari bertempiran untuk menyelamatkan diri daripada digigit monyet itu. Monyet itu telah menyerang dan mengigit muka Waheeda. Waheeda dibawa ke hospital oleh Raidah dan Fadhil. Dr Zakaria telah menjahit luka pada kulit pipi dan hidung Waheeda.
- Waheeda ke Singapura untuk bertemu dengan Dr. Alma Hollis Chen yang bertugas di Silicon Medical Center (SMC) yang akan menguruskan proses pembedahan mata dan hidungnya.
- Waheeda dimaklumkan bahawa pembedahan akan memakan masa antara 10-15 jam. Apabila mendapat tahu berita itu, Raidah, ibu kepada Waheeda terus terbang ke Singapura untuk menemani Waheeda. Ibu Waheeda, Raidah kembali ke Sarawak setelah dia selamat menjalani pembedahan.
- Waheeda mendapat tawaran bekerja di Flamingo de La Rossa di Singapura sebagai Pegawai Perhubungan Awam. Waheeda berkenalan buat pertama kali dengan Zahid di Flamingo. Zahid berhasrat untuk meminang Waheeda.
- Waheeda menghubungi Dr Rushdi memaklumkan bahawa tulang rawan hidungnya dirasakan runtuh. Dr. Rushdi meminta Waheeda datang ke SMC dengan segera untuk rawatan atau pembedahan pada bahagian hidungnya. Waheeda berharap agar wajahnya pulih sebelum dia pulang ke Kuching untuk majlis pertunangannya dengan Zahid.
- Majlis pertunangan antara Waheeda dengan Zahid dibatalkan dan digantikan dengan majlis pertunangan ringkas abangnya antara Ghazi dengan Fatimah. Selepas itu, majlis perkahwinan Waheeda dengan Zahid diadakan dengan meriah dan penuh dengan adat Melayu Sarawak.
- Zahid mencari Waheeda selepas isterinya itu tidak muncul di restoran untuk makan tengah hari. Zahid menemui Waheeda di salah sebuah bilik penginapan penghuninya di Chalet Tajau Emas yang mewujudkan perasaan cemburu dan salah sangka atas kesetiaan Waheeda itu.
- Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan dan menerima rawatan di bilik wad eksklusif, Hospital Pakar Normah. Zahid mempertikaikan status anak kandungnya setelah meneliti ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bayi perempuannya itu. Waheeda menyerahkan sampel rambutnya, rambut Zahid, dan rambut anak mereka, Izzati untuk ujian DNA. Waheeda merayu Zahid agar melihat hasil laporan DNA tetapi dipertikaikan oleh Zahid. Zahid menceraikan Waheeda dengan talak satu. Kesannya, Waheeda mengalami masalah kemurungan dan migrain meroyan. Waheeda mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur.
- Pak Cik Aziz berhasrat untuk menjual Chalet Iwana-Iwani miliknya yang terletak di Cameron Highlands. Akhirnya, chalet tersebut dibeli oleh Waheeda dan Ghazi. Nama chalet itu ditukarkan kepada Aya-Sajinah. Waheeda cekat membangunkan chalet itu walaupun terpaksa berjauhan dengan Izzati yang bersekolah di Sarawak.
- Kemajuan chalet yang diusahakan oleh Waheeda dan anaknya Izzati telah menarik kehadiran ramai pelancong. Izzati kini membesar sebagai gadis sunti yang bijak, berdikari, serta mampu membantu Lais menyelia Cafe Iwani dan Restoran Iwana. Zahid yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah berehat di Cafe Iwani.
- Zahid melahirkan kekesalannya terhadap sikapnya yang enggan melihat laporan DNA. Zahid menangis apabila Izzati disahkan anak kandungnya.
- Izzati memberitahu ibunya tentang penyesalan Zahid. Perkara itu sukar diterima oleh Waheeda lantaran kekecewaan hatinya akibat tindakan kejam Zahid. Lais cuba menenangkan perasaan Zahid dan Waheeda. Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya.




Peristiwa yang

DAPAT DITELADANI



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi bertegas untuk menghantar anaknya, Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan dan cemuhan daripada orang kampung yang menuduhnya menjadi tali barut Inggeris.

Pernyataan:

Peristiwa ini dapat diteladani kerana kita perlulah berpandangan jauh dan tegas dengan keputusan yang diambil demi memastikan anak-anak diberikan didikan yang sempurna agar mereka lebih berpendidikan dan akhirnya mampu membawa perubahan kepada keluarga, bangsa, dan negara.

02


Peristiwa:

Adnan bersetuju untuk berkahwin dengan Sophia Pakih Muda, seorang guru di kampungnya atas permintaan ibunya, Mak Milah walaupun Adnan tidak mengenali bakal isterinya.

Pernyataan:

Peristiwa ini dapat diteladani kerana ketaatan seorang anak memenuhi permintaan ibu bapanya agar dapat membahagiakan mereka.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda bijak mengambil peluang meneroka pengalaman berkhidmat dalam bidang perhotelan di Hotel Flamingo de La Rossa, Singapura sebelum kembali mengusahakan chalet milik keluarganya di Matang.

Pernyataan:

Peristiwa ini dapat diteladani kerana kebijaksanaan dalam mengambil peluang untuk menimba ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kemahiran diri.


02


Peristiwa:

Waheeda terkedu dengan kemuliaan hati Izati yang memaafkan bapanya walaupun kewujudannya tidak diakui oleh bapanya sendiri. Izati menganggap kenikmatan memberi maaf lebih manis daripada menyimpan rasa dendam yang berpanjangan.

Pernyataan:

Peristiwa ini dapat diteladani kerana kesanggupan memaafkan orang yang telah mengakui kesilapan dirinya.






Peristiwa yang dapat

DIJADIKAN PANDUAN HIDUP

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Adnan akan ke kebun getah pada sebelah pagi selepas solat untuk membantu ayahnya menoreh getah. Setelah solat zuhur, dia akan turun ke sawah pula untuk membantu ayahnya mengerjakan padi.

Pernyataan:

Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya sentiasa membantu ahli keluarga terutamanya ibu bapa agar pekerjaan yang dilakukan oleh mereka menjadi lebih ringan.

02


Peristiwa:

Peristiwa Kompeni C askar Melayu berani menentang tentera Jepun sehingga titisan darah terakhir walaupun dengan bilangan anggota yang kecil dan kehabisan peluru. Kompeni C melawan habis-habisan hingga ramai askar Jepun mati.

Pernyataan:

Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya cinta akan tanah air dan sanggup berjuang habis-habisan demi mempertahankan kedaulatan negara.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda mengatasi situasi dia dikeji oleh rakan-rakannya dengan mengingat kata-kata perangsang daripada ustazahnya bahawa dengan menyedari kekurangan diri akan menjadi pendorong untuk lebih berjaya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya berusaha bersikap positif dalam mengatasi konflik perasaan apabila menghadapi ejekan dan cacian.

02

Peristiwa:

Waheeda terpilih untuk menyertai Pertandingan Ratu Cantik Miss Tourism International dan dia bercadang untuk memakai pakaian Galoh Oleng yang merupakan pakaian tradisi Sarawak berbanding memakai fesyen pakaian yang berbelah hingga ke paha.


Pernyataan:

Peristiwa ini dapat menjadi panduan hidup supaya menjaga tatasusila dan kesopanan serta menghargai budaya warisan bangsa.




Peristiwa yang

TIDAK WAJAR DICONTOHI



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Penduduk kampung menentang hasrat Pak Saidi yang ingin menghantar anak-anaknya ke sekolah aliran Inggeris dan ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampung tersebut jika Pak Saidi meneruskan cita-cita tersebut. Mereka takut kalau anak-anak mereka akan dipengaruhi oleh anak-anak Pak Saidi supaya menjadi murtad.

Pernyataan:

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita sewajarnya berfikiran terbuka dan berani melakukan perubahan untuk kebaikan.

02


Peristiwa:

Samad telah menjadi tali barut dengan memberikan maklumat risikan kepada tentera Jepun di Singapura. Akhirnya, Samad mati ditembak oleh rakan perisiknya sendiri.

Pernyataan:

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita tidak sewajarnya berpaling tadah dan menjadi pengkhianat kepada agama, bangsa, dan negara.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda menyuarakan hasratnya untuk melakukan pembedahan plastik supaya wajahnya kelihatan komersial selaras dengan perkembangan perniagaannya. Hasratnya itu ditegah oleh bapanya kerana bercanggah dengan hukum Islam.

Pernyataan:

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita sepatutnya bersyukur dengan kurniaan Tuhan dan tidak melanggar hukum agama.

02

Peristiwa:

Zahid mempertikaikan status anak kandungnya setelah meneliti ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bayi perempuannya itu. Dia juga enggan melihat laporan DNA lalu menceraikan isterinya, Waheeda dengan talak satu.


Pernyataan:

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita tidak sewajarnya bersikap buruk sangka dan terburu-buru dalam membuat keputusan.



Peristiwa yang menimbulkan

RASA KAGUM



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi selalu mengajar anak-anaknya, iaitu Ahmad, Amarullah dan Adnan mengenai ilmu persilatan dan mengaji pada waktu malam.

Pernyataan:

Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana menunjukkan kehebatan seorang ayah yang sibuk mencari rezeki padasiang hari namun masih memperuntukkan masa bagi mendidik anak-anaknya.

02


Peristiwa:

Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun walaupun kaki beliau tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun namun dia tidak sesekali menyerah kalah.

Pernyataan:

Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana menunjukkan semangat juang dan keberanian seorang tentera dalam mempertahankan kedaulatan negara walaupun berhadapan dengan kematian.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah sanggup ke Singapura untuk menemani Waheeda menjalani pembedahan hidung yang mengambil masa selama 10 jam sebagai tanda kasih sayang ibu terhadap anaknya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana menunjukkan sikap seorang ibu yang penyayang dengan sentiasa mengambil berat hal berkaitan keselamatan dan kesihatan anaknya.

02

Peristiwa:

Waheeda bertindak membuat ujian DNA terhadap anaknya untuk membuktikan tuduhan Zahid bahawa anaknya itu milik lelaki lain adalah tidak benar.


Pernyataan:

Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum kerana keberanian dan ketegasan seseorang dalam mempertahankan maruah dan kehormatan dirinya.




Peristiwa yang

MEMBERIKAN KEINSAFAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Samad diberikan imbuhan untuk menjadi pengintip bagi pihak Jepun yang ditugaskan mengintip kedudukan tentera British di Pasir Panjang. Akhirnya, Samad mati ditembak oleh rakan perisiknya sendiri.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan keinsafan kerana kita sewajarnya taat setia kepada negara dan tidak berpaling tadah menjadi pengkhianat negara.

02


Peristiwa:

Tentera Jepun mengikat Leftenan Adnan yang cedera dan menggantungnya pada pokok ceri. Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran menikam tubuh Leftenan Adnan sehingga mayatnya hancur.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan keinsafan kerana keteguhan semangat cinta akan tanah air dalam diri seorang tentera sehingga nyawanya terkorban.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda menghadapi pelbagai konflik, cabaran dan dugaan dalam hidupnya setelah dia menjalani pembedahan wajah sehingga menjadi seorang wanita yang jelita, seperti dicemburui sahabat baiknya, dan ditinggalkan oleh suami yang dicintainya.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan keinsafan bahawa kecantikan bukanlah jaminan untuk kita merasai kebahagiaan dalam hidup.


02

Peristiwa:

Zahid meninggalkan isterinya Waheeda kerana perasaan cemburu buta dan beranggapan Waheeda berlaku curang dan ditambah lagi setelah anak yang dilahirkan oleh Waheeda tidak mewarisi kecantikan yang dimiliki oleh Waheeda. Zahid bertindak menceraikan Waheeda tanpa usul periksa dan tidak mahu menerima keputusan ujian DNA yang dijalani oleh Waheeda. Walau bagaimanapun, akhirnya Zahid menyesali keputusannya meninggalkan Waheeda dan mahu kembali ke pangkuan keluarganya.


Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan keinsafan bahawa kita perlulah menyiasat untuk mengetahui perkara sebenar sebelum mengambil apa-apa tindakan yang merugikan diri sendiri.



Peristiwa yang

MENGGEMBIRAKAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Adnan berlatih bersungguh-sungguh untuk menyertai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris walaupun dia masih belum fasih berbahasa Inggeris. Berkat kesungguhannya berlatih, Adnan telah menjadi juara dalam pertandingan syarahan bahasa Inggeris itu.

Pernyataan:

Peristiwa ini menggembirakan kerana kesungguhan dalam melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan pasti akan membuahkan kejayaan.

02


Peristiwa:

Guru Besar yang bernama Steward berbangga kerana ada orang Melayu yang sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris. Beliau menerima Adnan belajar di sekolah berkenaan.

Pernyataan:

Peristiwa ini menggembirakan kerana menunjukkan sikap berani menyahut cabaran dan berpandangan jauh bagi memajukan agama, bangsa dan negara.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda kreatif memperkenalkan pakej yang dapat menawan hati pelancong seperti makanan Sarawak, lawatan ke dusun-dusun dan urutan kaki di kolam. Pakej pelancongan di inap desa milik Waheeda berasaskan alam semula jadi dan budaya Sarawak.

Pernyataan:

Peristiwa ini menggembirakan kerana menunjukkan daya kreativiti anak muda untuk mengembangkan perniagaan dalam bidang pelancongan hingga mampu menarik kedatangan pelancong menginap di inap desanya.

02

Peristiwa:

Zahid memohon maaf kepada Waheeda dan Izzati kerana menceraikan Waheeda tanpa usul periksa dan meragui status Izzati sebagai anak kandungnya walaupun bekas isterinya, Waheeda mempunyai bukti yang kukuh tentang status anak perempuan tunggal mereka.


Pernyataan:

Peristiwa ini menggembirakan kerana keinsafan yang ditunjukkan oleh seseorang yang telah melakukan kesilapan.




Peristiwa yang

MENYENTUH PERASAAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Adnan terpaksa menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung Sungai Ramal Dalam. Hal ini demikian kerana terdapat ura-ura yang mengatakan perang bakal tercetus. Meskipun sedih terpaksa berpisah dengan keluarganya, namun Adnan lebih mengutamakan keselamatan mereka.

Pernyataan:

Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana seorang suami dan bapa terpaksa berpisah dengan anak-anak dan isteri yang dikasihinya demi tugas terhadap negara.

02


Peristiwa:

Tentera Jepun mengikat Leftenan Adnan yang cedera dan menggantungnya pada pokok ceri. Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran menikam tubuh Leftenan Adnan sehingga mayatnya hancur.

Pernyataan:

Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana tindakan kejam dan tidak berhati perut penjajah kepada perwira negara yang gugur dalam perjuangannya mempertahankan negara.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah, ibu Waheeda tidak dapat menahan diri untuk bersama-sama anaknya menghadapi saat genting menjalani pembedahan rekonstruksi wajah di Singapura. Raidah menjadi gusar apabila Waheeda menghantar e-mel kepada Ghazi menyatakan pembedahannya mengambil masa selama 10 jam. Raidah membuat ketupat lepas yang menjadi simbol terlepas daripada bala dan ingin menghantarnya sendiri kepada anaknya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana menunjukkan kasih sayang seorang ibu yang sangat mendalam kepada anaknya.

02

Peristiwa:

Waheeda menghadapi tekanan perasaan yang sangat hebat setelah diceraikan oleh suaminya Zahid. Dia sangat sedih dan kecewa dengan tindakan Zahid meninggalkannya dan anak kecil mereka. Akhirnya keluarga Waheeda menghantar Waheeda ke Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) untuk mendapatkan rawatan.


Pernyataan:

Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana keperitan jiwa yang terpaksa ditanggung apabila ditinggalkan oleh orang yang disayangi dan dicintai sepenuh hati.




Peristiwa yang

MEMBERIKAN MOTIVASI



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi melawan dan menikam lima orang tentera Jepun dan mencederakan 15 orang yang lain dengan hanya menggunakan sebilah keris semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan motivasi agar berani bertindak untuk mempertahankan maruah keluarga.

02


Peristiwa:

Adnan sanggup berhenti daripada menjadi guru kerana minat yang sangat mendalam untuk menjadi askar Melayu. Tindakan Adnan mendapat tentangan hebat daripada ibunya, Mak Milah namun akhirnya Mak Milah akur dengan kehendak anaknya itu.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan motivasi agar bersungguh-sungguh dalam mencapai impian dan cita-cita.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda sentiasa berfikiran positif dan sikapnya itu menyebabkan beliau berjaya keluar daripada belenggu kekecewaan ditinggalkan suami yang menuduhnya curang selepas melahirkan anak yang tidak diakui oleh Zahid.

Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan motivasi agar tabah dalam menghadapi dugaan kehidupan dengan berusaha berfikiran positif dan memiliki semangat juang yang tinggi.

02

Peristiwa:

Fadhil menyediakan persembahan hadrah, sebuah irama muzik Melayu pada hari perkahwinan Waheeda sehingga menarik perhatian pelancong asing.


Pernyataan:

Peristiwa ini memberikan motivasi agar berasa bangga akan warisan budaya kita sendiri dan berusaha untuk memartabatkannya.




Peristiwa yang

MENARIK MINAT PEMBACA



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Kaki Leftenan Adnan telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, namun Leftenan Adnan tidak menyerah kalah dan terus berjuang. Dalam keadaan penuh bahaya, Leftenan Adnan berjaya membunuh banyak tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera Sikh.

Pernyataan:

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana memaparkan semangat juang seseorang yang tinggi dan tidak mudah menyerah kalah walaupun nyawanya terancam.

02


Peristiwa:

Adnan dan sahabatnya, Mamat nekad keluar dari kampung untuk pergi ke kem latihan ketenteraan di Port Dickson. Mereka menaiki basikal ke pekan Kajang, berjalan kaki dan akhirnya menumpang sebuah lori barang bagi menghadiri temu duga pengambilan Askar Melayu Diraja.

Pernyataan:

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana menunjukkan semangat juang dan kegigihan untuk mencapai impian dan cita-cita walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda bercerita dengan kakitangan chalet Tajau Emas tentang kepentingan ketawa. Dia berjaya mengurangkan tekanan pekerjaanya dengan bercerita tentang perkara yang melucukan seperti wujudnya Kelab Ketawa di India.

Pernyataan:

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana memaparkan kebolehan seorang ketua yang berjaya meredakan tekanan yang dihadapi oleh anak buahnya.


02

Peristiwa:

Datuk Yasser hanya menggunakan kereta Proton Perdana V6 kerana beliau seorang yang bersemangat nasionalisme walaupun mampu menggunakan kereta Mercedes Benz CLS Class.


Pernyataan:

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana sikap nasionalisme yang tinggi dalam diri seseorang walaupun kaya dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat.



Peristiwa yang menunjukkan

KASIH SAYANG



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi tidak pernah mengecewakan permintaan anak-anaknya. Walaupun sudah dibuatkan keris kayu, Adnan meminta ayahnya membuat senapang kayu pula dan permintaannya dipenuhi oleh Pak Saidi.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang bapa yang mendalam terhadap anaknya dengan berusaha menuruti kemahuan anaknya.

02


Peristiwa:

Sophia amat menyayangi suaminya, Adnan yang merupakan seorang tentera yang bertugas di perantauan dan untuk meluahkan rasa rindunya, dia mengutus sepucuk surat kepada suaminya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang isteri terhadap suaminya yang berada jauh di perantauan.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah terbang ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan rekonstruksi hidung dan muka di Silicone Medical Centre. Raidah berasa risau akan keadaan anaknya dan ingin berada di sisi anaknya untuk memberikan semangat dan kekuatan kepada anaknya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu yang sanggup berkorban dengan terbang merentasi sempadan negara seorang diri untuk menemani anaknya yang menjalani pembedahan di hospital.

02

Peristiwa:

Keluarga Waheeda membawa Waheeda ke PUSRAWI untuk mendapatkan rawatan bagi menyembuhkannya daripada kemurungan. Waheeda kembali positif dan memulakan kehidupan baharu dengan ceria.


Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga yang saling membantu apabila terdapat ahli keluarga yang berhadapan dengan masalah.




Peristiwa yang menunjukkan

SIKAP BERTANGGUNGJAWAB



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi sanggup mengayuh basikal setiap pagi untuk menghantar Adnan ke sekolah Inggeris di Pekan Sungai Ramal, pergi ke sawah dan menjemput semula Adnan pada waktu tengah hari.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ketua keluarga demi memastikan anak-anaknya mempunyai masa depan yang terjamin dan dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.

Peristiwa:


02

Sophia berjanji di depan suaminya bahawa dia akan menjaga anak-anak, ayah dan emak sepanjang suaminya pergi bekerja. Dia juga sentiasa mendoakan keselamatan suaminya. Sophia juga memuji suaminya yang baik dan tidak pernah menyakitinya sepanjang hidup bersama.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang wanita dalam melaksanakan amanah dan tugasnya sebagai seorang isteri dan ibu.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan-pelanggannya kerana Waheeda perlu menjaga hati suaminya, Zahid yang mudah cemburu dengan kemesraannya bersama pelancong.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ibu untuk menasihati anaknya agar tidak berkelakuan melampaui batas walaupun anaknya telah dewasa.

02

Peristiwa:

Walaupun tanpa suami, Waheeda tetap membesarkan anak tunggalnya, Izzati dengan penuh kasih sayang sehingga bejaya menamatkan pengajian dalam bidang pengurusan pemiagaan. Waheeda sanggup tidak berkahwin semula di samping mengusahakan perniagaan chaletnya di Cameron Highland.


Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ibu dalam membesarkan anaknya sehingga dewasa dengan penuh kasih sayang.



Peristiwa yang menunjukkan

SEMANGAT KERJASAMA



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Penghulu Deraman bekerjasama dengan Leftenan Adnan dalam memberikan maklumat tentang Samad yang menjadi tali barut kepada Jepun.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam usaha menentang penjajah.

02


Peristiwa:

Penduduk kampung bekerjasama menyembunyikan Sophia dan anaknya daripada ditangkap oleh tentera Jepun untuk mengelakkan mereka dcederakan oleh tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Leftenan Adnan untuk membalas dendam. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam melindungi ahli komuniti.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Masyarakat Kampung Matang bekerjasama menguruskan majlis perkahwinan Waheeda dengan Zahid menjadi satu majlis yang gilang-gemilang. Masyarakat kampung Matang saling membantu dengan menghias pentas, membuat persembahan kebudayaan dan menyambut tetamu semasa majlis tersebut.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam menjayakan suatu majlis atau keramaian.


02

Peristiwa:

Para doktor bekerjasama dan berganding bahu menjalankan proses pembedahan dan rawatan Waheeda. Pembedahan matanya diketuai oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh, manakala pembedahan hidungnya diketuai oleh Dr. Averroes.


Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam memastikan sesuatu tugas dapat dilaksanakan dengan jayanya.




Peristiwa yang memaparkan

SIKAP BERANI



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01 Peristiwa:

Adnan berani mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan Bahasa Inggeris di sekolah rendah walaupun dia tidak fasih berbahasa Inggeris. Dia bersungguh-sungguh berlatih tanpa henti sehingga dia berjaya menjadi johan dalam pertandingan tersebut.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap berani mencuba sesuatu perkara yang mencabar kemampuan diri.


02 Peristiwa:

Peristiwa Kompeni C askar Melayu berani menentang tentera Jepun sehingga titisan darah terakhir walaupun dengan bilangan anggota yang kecil dan kehabisan peluru. Kompeni C melawan habis-habisan dan menyebabkan ramai askar Jepun mati.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap berani menentang musuh demi mempertahankan kedaulatan negara walaupun berhadapan dengan rintangan.

Novel Tirani



01 Peristiwa:

Waheeda berani mengambil risiko apabila membuat pinjaman baharu daripada Bank Pembangunan cawangan Sarawak untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran. Nama chalet tersebut ditukar kepada Chalet Aya-Sajinah setelah diambil alih oleh Waheeda dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap berani mengambil risiko untuk memajukan perniagaan.


02 Peristiwa:

Waheeda berani mengambil tindakan untuk mempertahankan maruahnya dengan menyerahkan sampel rambutnya, rambut Zahid dan rambut anak mereka, Izzati untuk ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati ialah anaknya dengan Zahid.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap berani mempertahankan maruah dan kehormatan diri.






Peristiwa yang menunjukkan

KEGIGIHAN

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Adnan sangat bersemangat dan bersungguh-sungguh berlatih tanpa henti untuk menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris walaupun dia belum fasih berbahasa Inggeris hingga dia berjaya menjadi johan dalam pertandingan tersebut.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

02


Peristiwa:

Peristiwa Kompeni C askar Melayu berani menentang tentera Jepun sehingga titisan darah terakhir walaupun dengan bilangan anggota yang kecil dan kehabisan peluru. Kompeni C melawan habis-habisan dan menyebabkan ramai askar Jepun mati.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan sikap berani menentang musuh demi mempertahankan kedaulatan negara walaupun berhadapan dengan rintangan.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda gigih berusaha memajukan syarikat pelancongan Tajau Emas milik keluarga sehingga syarikat tersebut menjadi terkenal dan sentiasa menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam membangunkan dan memajukan perniagaan sehingga membuahkan hasil yang membanggakan.


02


Peristiwa:

Waheeda gigih meluaskan pengetahuannya dalam bidang perniagaan dengan mengambil peluang berkhidmat dalam bidang perhotelan di Hotel Flamingo de La Rossa, Singapura sebelum kembali mengusahakan chalet milik keluarganya di Matang.

Pernyataan:


Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman diri sebagai bekalan kehidupan.





Peristiwa yang menunjukkan CABARAN dialami WATAK

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi terpaksa menerima segala kritikan dan cemuhan penduduk kampung yang tidak bersetuju kerana beliau menghantar anaknya, Adnan bersekolah aliran Inggeris. Mereka berpendapat bahawa anak-anak Pak Saidi akan menjadi murtad dan menjadi Kristian.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan cabaran dalam usaha mendapatkan pendidikan terbaik untuk anak-anak.

02


Peristiwa:

Leftenan Adnan dan pasukannya enggan menyerah kalah kepada tentera Jepun walaupun diminta berbuat demikian. Mereka tetap mempertahankan Bukit Candu walaupun kekurangan senjata dan anggota.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan cabaran dalam menghadapi musuh dan hanya menggunakan kekuatan tanpa senjata sehingga titisan darah yang terakhir.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Zahid tekad menceraikan Waheeda dengan talak satu disebabkan sifat cemburu dan curiganya yang terlampau itu. Waheeda mengalami masalah kemurungan dan migrain meroyan akibat tindakan Zahid yang kejam kerana dia terlalu mencintai suaminya itu.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan cabaran dalam mempertahankan kebahagiaan rumah tangga.

02

Peristiwa:

Waheeda sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas telah berusaha sedaya upaya untuk mengembangkan pemiagaan di bawah sektor pelancongan itu. Waheeda turut menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan walaupun menerima saingan sengit daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan cabaran dalam memajukan perniagaan.




Peristiwa yang menunjukkan

PENGORBANAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Pak Saidi sanggup berhadapan dengan tentera Jepun demi menyelamatkan menantu dan cucu-cucunya. Dia telah membunuh beberapa orang tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Adnan. Akhirnya Pak Saidi terkorban.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang bapa dalam menjaga keselamatan ahli keluarganya.

02

Peristiwa:

Leftenan Adnan yang telah dikepung dan ditangkap lalu diseret di dalam guni sebelum digantung pada pokok ceri. Kemudian, Leftenan Renya Mutuguchi menyeksa Adnan sehingga pengan. Apabila Adnan sedar, dia diseksa lagi sehinggalah Adnan meninggal dunia kerana perutnya ditikam dengan bayonet.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang pejuang dalam mempertahankan tanah air sehingga ke titik darah terakhir.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah yang terbang ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan rekonstruksi hidung dan muka di Silicone Medical Centre. Raidah risau akan keadaan anaknya ingin berada di sisi anaknya untuk memberikan semangat dan kekuatan kepada anaknya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang ibu yang sanggup terbang merentasi sempadan negara untuk menemani anaknya yang menjalani pembedahan di hospital.

02

Peristiwa:

Waheeda yang sanggup berkorban dengan tidak berkahwin demi membesarkan anak tunggalnya, Izzati di samping mengusahakan perniagaan chaletnya di Cameron Highland.


Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang ibu yang sanggup mengetepikan kepentingan diri demi membesarkan anaknya.




Peristiwa yang menunjukkan

KETABAHAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01 Peristiwa:

Pak Saidi tabah menghadapi kematian dua orang anaknya dalam masa seminggu iaitu Ahmad dan Adnan. Pak Saidi juga berhadapan dengan kehilangan isteri, iaitu Mak Milah yang bersama-samanya mengharungi susah payah kehidupan. Pak Saidi tetap tabah menerima kehilangan itu kerana baginya setiap ujian yang diberikan oleh Allah adalah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan hamba-Nya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan menghadapi kehilangan orang yang tersayang.

02 Peristiwa:

Setelah empat tahun hidup bahagia bersama Ustaz Ridhwan, Sophia telah disahkan menghidapi penyakit leukemia tahap kritikal dengan rambut yang gugur dan badan yang semakin kurus. Namun, dia tetap kuat melawan kesakitan yang ditanggungnya tersebut.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan menghadapi keperitan hidup walaupun berhadapan dengan ujian yang berat.

Novel Tirani



01 Peristiwa:

Waheeda tabah menangani sifat cemburu buta dan panas baran Zahid yang menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain. Sikap cemburu buta Zahid ini tidak berkesudahan apabila Waheeda diceraihan oleh Zahid dengan talak satu di hadapan ibu dan ayah Waheeda.

Pernyataan:


Peristiwa ini menunjukkan ketabahan menghadapi konflik dalam rumah tangga.

02 Peristiwa:


Waheeda tabah menghadapi ejekan rakan-rakannya seperti Si Nuar, Si Man dan Si Mat Gusi ketika zaman persekolahannya kerana memiliki hidung yang pesek. Waheeda sering kali menangis apabila diejek oleh rakan-rakannya dan berasakan dirinya tidak cantik seperti orang lain.

Pernyataan:


Peristiwa ini menunjukkan ketabahan berhadapan dengan ejekan orang lain yang menjejaskan keyakinan diri.



Peristiwa yang menunjukkan KEBIJAKSANAAN



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Budin daripada pasukan Kampung Sungai Merab tidak berpuas hati kerana kalah di tangan pasukan Kampung Sungai Ramal. Mereka kemudiannya mengatur pula perlawanan tinju antara Budin dengan Adnan. Namun akhirnya Budin dan Adnan membatalkan perlawanan tinju itu dan mereka menjadi sahabat.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan semangat setia kawan

02


Peristiwa:

Adnan yang sanggup meletakkan jawatan sebagai seorang guru demi mencapai cita-citanya menjadi seorang tentera. Dia ingin menyumbang tenaga untuk mempertahankan tanah air.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan yang perlu dilakukan demi mencapai impian dan cita-cita.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Raidah yang terbang ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan rekonstruksi hidung dan muka di Silicone Medical Centre. Raidah risau akan keadaan anaknya ingin berada di sisi anaknya untuk memberikan semangat dan kekuatan kepada anaknya.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang ibu yang sanggup terbang merentasi sempadan negara untuk menemani anaknya yang menjalani pembedahan di hospital.


02

Peristiwa:


Waheeda yang sanggup berkorban dengan tidak berkahwin demi membesarkan anak tunggalnya, Izzati di samping mengusahakan perniagaan chaletnya di Cameron Highland.

Pernyataan:


Peristiwa ini menunjukkan seorang ibu yang sanggup mengetepikan kepentingan diri demi membesarkan anaknya.



Peristiwa yang menunjukkan KONFLIK Antara WATAK & Penyelesaiannya Jalan



Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Adnan terpaksa menahan ejekan dan cemuhan daripada Nordin dan beberapa orang pemuda di kampungnya berkaitan hasratnya untuk menjadi askar. Bagi mereka, askar merupakan tali barut orang putih dan pembelot bangsa.

Pernyataan:

Penyelesaiannya, Adnan bersabar dengan ejekan tersebut dengan tidak menghiraukan tempelak anak-anak muda sekampungnya itu.

02


Peristiwa:

Pak Saidi terpaksa menerima segala kritikan dan cemuhan penduduk kampung yang tidak bersetuju kerana beliau menghantar anaknya, Adnan bersekolah Inggeris. Penduduk kampung mahu Pak Saidi dihalau dari kampung kerana tindakannya itu. Penduduk kampung bimbang Adnan akan murtad dan masuk agama Kristian.

Pernyataan:

Penyelesaiannya, Pak Saidi tidak mempedulikan cercaan orang kampung yang mengkritik tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Pak Saidi lebih memikirkan masa hadapan anak daripada pandangan serong penduduk kampung.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Konflik antara Waheeda dengan bapanya, Fadhil tercetus apabila bapanya secara tegas tidak mengizinkan Waheeda menjalani pembedahan kosmetik kerana bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Pernyataan:

Penyelesaiannya, Waheeda akur dengan larangan bapanya yang memberikan alasan bahawa perbuatan mengubah ciptaan Tuhan merupakan perkara yang dilarang oleh agama Islam.


02


Peristiwa:

Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di Singapura sepanjang tempoh Waheeda menjalani pembedahan hidung dan mata pada wajahnya di Silicon Medical Centre (SMC), namun Bazilah berasa cemburu kerana tunangnya iaitu Dr Rushdi memberikan lebih perhatian kepada Waheeda.

Pernyataan:

Penyelesaiannya, Waheeda keluar dari rumah Bazilah kerana tidak mahu hubungannya dengan Bazilali keruh disebabkan Bazilah cemburu akan kemesraan Waheeda dan tunangnya.






Peristiwa yang menunjukkan

KEBIJAKSANAAN

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa



01

Peristiwa:

Leftenan Adnan bijak membaca helah tentera Jepun walaupun tentera Jepun menyamar sebagai askar India dengan memakai turban ketika cuba menyerang askar Melayu.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam mengesan strategi pihak musuh.

Peristiwa:


02

Pak Saidi bijak membuat keputusan apabila bertegas dengan pendiriannya untuk menghantar Adnan ke sekolah Inggeris kerana dia mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap masa depan anak-anaknya walaupun keputusannya ditentang oleh penduduk kampung.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan seorang bapa dalam melakukan perubahan demi masa depan yang lebih baik.

Novel Tirani



01

Peristiwa:

Waheeda mengambil keputusan bijak untuk mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kaunseling Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) di Kuala Lumpur.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam mengatasi masalah kehidupan akan menyebabkan kita mampu maju ke hadapan.

02

Peristiwa:

Tindakan Zahid mempertikaikan status anak yang dilahirkannya menyebabkan Waheeda mendapatkan khidmat kawannya, Nurjihan dengan menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati ialah anak kandung mereka.

Pernyataan:

Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam memperjuangkan kebenaran harus wujud dalam diri agar tidak diipandang serong oleh orang lain.

